

TERMA RUJUKAN

PROGRAM KOMISEN SENI AWAM *ART IN THE CITY* CENDANA

GAMBARAN KESELURUHAN

Fasa Pembiayaan	Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Pemohon Dimaklumkan	Projek Dimulakan
Fasa 1	28 Julai 2020	27 Ogos 2020	26 September 2020	September 2020 dan seterusnya
Fasa 2	27 September 2020	26 Oktober 2020	27 November 2020	Disember 2020 dan seterusnya

Apakah Program Komisen Seni Awam *Art in the City* CENDANA?

Program Komisen Seni Awam *Art in the City* adalah inisiatif untuk menjadikan seni sebagai sebahagian daripada kawasan bandar kita dan mendekatkan seni dengan rakyat Malaysia. Tujuan ini boleh dicapai dengan mengkomisenkan para seniman Malaysia untuk membuat program seni masyarakat yang unik dengan menampilkan seni dengan penglibatan awam di lokasi terpilih / yang dicadangkan. Lokasi tersebut adalah ruang untuk orang ramai tinggal, bekerja dan bermain.

Program ini akan memberi peluang kepada seniman, kolektif dan organisasi individu Malaysia, selain kumpulan seni masyarakat di seluruh negara untuk memupuk semangat di bandar mereka dengan menganjurkan program seni atau perkhidmatan terhadap sektor seni yang lestari melalui penciptaan dan persembahan aktiviti dan inisiatif seni untuk diadakan di tempat-tempat awam di Malaysia.

Program ini mengharapkan supaya melalui aktiviti dan inisiatif seni awam ini dapat meningkatkan penglibatan orang awam dalam seni, menarik minat serta kemampuan untuk menghasilkan karya-karya seni.

Permohonan untuk Program Komisen Seni Awam *Art in the City* CENDANA ini adalah terbuka.

Projek yang dicadangkan mestilah (jika berkenaan):

- Boleh dilihat dengan jelas;
- Mudah diakses oleh orang awam;
- Menawarkan faedah pembangunan yang signifikan terhadap para seniman Malaysia dan membawa seni berkualiti tinggi kepada khalayak umum;
- Sekiranya berkenaan, disokong dengan rancangan pemasaran dan promosi;
- Menyokong pembangunan sektor seni Malaysia melalui projek atau persembahan yang menjangkau pelbagai jenis disiplin seni;
- Bersesuaian dengan aktiviti dan perhubungan awam.

Aktiviti tambahan yang melengkapi mana-mana projek yang dicadangkan di atas boleh dipertimbangkan. Aktiviti-aktiviti tambahan tersebut boleh merangkumi ceramah dan bengkel.

Projek-projek yang dicadangkan boleh dilaksanakan dengan kerjasama pemilik lokasi, agensi awam atau majlis tempatan.

TERMA RUJUKAN

Projek yang diusulkan mestilah mematuhi garis panduan sepertimana diperuntukkan di bawah Perintah Pemulihan Pergerakan Pemulihan, larangan berkumpul beramai-ramai yang ditetapkan oleh kerajaan negeri atau persekutuan atau dalam lingkungan yang ditentukan oleh Kerajaan untuk mis. penjarakan sosial, perhimpunan besar-besaran dan prosedur operasi standard acara (SOP).

Demi memahami konsep inisiatif seni awam dengan lebih lanjut, sila rujuk ke "Pautan Berguna" di halaman 13 untuk rujukan contoh, laporan dan panduan yang disediakan oleh pelbagai agensi dan organisasi serta pautan ke agensi kerajaan untuk panduan mendapatkan permit dan perlesenan. Sila ambil maklum bahawa rujukan pelesenan yang disertakan ini mungkin berbeza untuk setiap negeri di Malaysia. Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi majlis atau pihak berkuasa tempatan anda.

Sektor

Program ini menyokong projek-projek daripada sektor seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf yang disenaraikan di bawah:

Seni Persembahan (Tradisional / Kontemporari)	
<ul style="list-style-type: none"> • Teater • Komedi • Tarian • Musikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Persembahan ensemble • Persembahan puisi lisan • Seni persembahan tradisional • Kerjasama silang pelbagai disiplin dengan fokus kepada seni persembahan

Muzik Independen	
<ul style="list-style-type: none"> • Klasikal • Jazz • Muzik Dunia • Muzik Traditional • Muzik Popular Kontemporari 	<ul style="list-style-type: none"> • Indie and Alternatif (Blues, Modern, Post Rock dll) • Urban (Hip Hop, Rap dll) • Metal and Punk • Elektronika

Seni Visual
<ul style="list-style-type: none"> • Mural / Seni Jalanan • Arca luar • Seni instalasi • Seni Digital/ Multimedia • Lukisan

Kraf	
<ul style="list-style-type: none"> • Tekstil tradisional • Seni kerja manik • Tenunan / Anyaman • Seramik • Kerja Kayu 	<ul style="list-style-type: none"> • Seni kerja logam • Seni traditional • Instrumen dan Prop • Antique Repairing • Kasut hasil buatan tangan

Senarai mungkin tidak lengkap. Sila hubungi pegawai CENDANA untuk memeriksa sama ada subsektor yang anda cadangkan mungkin disokong.

TERMA RUJUKAN

Apakah yang disokong oleh Program Komisen Seni Awam Art in the City CENDANA?

Program berkemisen ini akan dinilai oleh ahli **Panel Penasihat Industri**, dan juga anggota-anggota profesional jemputan seperti daripada pertubuhan bukan kerajaan tempatan (NGO), arkitek, perancang bandar dan banyak lagi untuk penilaian. Jawatankuasa program berkemisen ini akan memberikan cadangan dan panduan untuk memastikan amalan terbaik dalam mengkomisen dan mengurus seni awam.

CENDANA akan menyokong perbelanjaan langsung untuk anda membuat dan mengatur **inisiatif seni awam (persembahan, pameran, mural, seni arca awam, seni instalasi, pemasangan cahaya, unjuran video, seni jalanan, bengkel dan banyak lagi) yang mungkin mengambil pelbagai bentuk, saiz dan dimensi, bergantung kepada tempat awam dan boleh bersifat sementara¹ atau tetap², sekali atau bulanan.**

Perbelanjaan langsung yang disokong adalah sehingga RM100,000 setiap projek yang merangkumi:

Yuran professional	
Perbelanjaan Yang Layak	Perbelanjaan Tidak Layak
<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran professional / kolaborator (seniman, penulis, kurator, penari, jurugambar, videografer, reka bentuk seni bina, dll) • Kos untuk penterjemah (Bahasa: Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Mandarin dan Tamil sahaja) • Bayaran juruvideo / jurugambar • Bayaran pekerja sokongan (pembantu tadbir, dll) • Kos honorarium (aturcara program untuk bengkel / ceramah untuk pengacara, penceramah) • Yuran pengurusan projek (tertakluk kepada budi bicara pihak CENDANA) <p>Catatan: Bayaran mestilah berpatutan dan berdasarkan kadar pasaran purata. Permohonan untuk kadar profesional perlu disokong oleh pengalaman dan latar belakang industri mereka. Semua bayaran yang diminta akan memerlukan serahan profil dan kerja sokongan yang relevan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian peralatan (cth. komputer riba, tablet, pencetak, perabot pejabat, dll) • Pembelian perisian / peningkatan perisian • Kos perbelanjaan operasi (mis. Gaji sepenuh masa, sewa ruang bulanan, gaji pengurus) • Kos katering (mis. Perbelanjaan makanan dan minuman)

¹ Seni awam sementara dianggap kurang dari 6 bulan.

² Bergantung kepada skop cadangan, projek anda mungkin memerlukan pelbagai kelulusan pada tonggak pencapaian tertentu, termasuk: reka bentuk awal; reka bentuk akhir, dan (untuk kerja tetap) penerimaan akhir ke dalam koleksi seni Bandar.



TERMA RUJUKAN

<p>Harap maklum bahawa Pembiayaan ini bukan untuk menggantikan gaji sepenuh masa dan tidak dimaksudkan untuk menjadi satu-satunya pendapatan sepanjang tempoh pembiayaan.</p>	
Tempat dan Sokongan Teknikal	
<ul style="list-style-type: none">• Kos pengeluaran karya seni (mis. Bahan mentah dan kos fabrikasi)• Reka bentuk dan binaan struktur (mis. Reka bentuk dan lukisan teknikal struktur, yuran kelulusan lukisan kejuruteraan, kos fabrikasi, dll)• Kos pemasangan/ nyahpasang di lokasi untuk seni arca luar (tenaga kerja, pemasangan kabel, bahan kalis cuaca, dll)• Bayaran penyelenggaraan dan pengaktifan (pelakon dan seniman)• Kos sewa peralatan• Kos yang terlibat untuk pengeluaran / pameran (sistem bunyi, kakitangan teknikal, penyewaan peralatan teknikal, kelengkapan audio, kru, kostum tradisional (jika berkenaan), dll)• Kit disinfeksi (mis. cecair pembasmi kuman, mesin pembasmian kuman, pelitup muka, sarung tangan getah dan termometer digital) untuk benefisiari baru sahaja• Permit dan lesen acara• Insurans liabiliti kontraktor• Insurans liabiliti awam• Perunding cuaca• Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)	<ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan operasi (mis. Sewa pejabat bulanan, bil utiliti, dll)• Perbelanjaan modal termasuk pengubahsuaian bangunan, pejabat, studio)• Pembelian dan penambahbaikan perisian• Pembelian peralatan (mis. Komputer riba, pencetak, alat muzik, mesin dll)• Kos katering (mis. Perbelanjaan makanan dan minuman)
Sokongan mobiliti (untuk pelakon, penceramah, kolaborator yang tidak berpusat di lokasi acara)	
<ul style="list-style-type: none">• Tiket penerbangan pergi balik• Pulang ulang-alik lapangan terbang• Perbelanjaan perjalanan dengan kereta api, bas, atau kereta* ke lokasi yang ditentukan untuk pengeluaran / penyelidikan dll.• Kos pengangkutan kargo (instrumen, peralatan, dll)• Penginapan	<ul style="list-style-type: none">• Perlindungan insurans• Kos perubatan dan vaksin• Cukai kastam untuk penghantaran/ penerimaan• Kos katering (mis. Perbelanjaan makanan dan minuman)



TERMA RUJUKAN

<ul style="list-style-type: none">Logistik karya seni (penghantaran domestik)	
Pemasaran dan Promosi	
<ul style="list-style-type: none">Kegiatan pemasaran / promosi (mis. Bayaran iklan, pencetakan bahan-bahan pemasaran, bayaran pereka, iklan media sosial / digital, pencetakan katalog / e-katalog pameran, yuran pereka, dll)Kos penterjemah (Bahasa: Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Mandarin dan Tamil)	<ul style="list-style-type: none">Bayaran domain web dan pengehosan webBayaran sijil SSL (Secure Sockets Layer)Bayaran Pengoptimuman Enjin CarianPerisian seni digital (Adobe Creative Cloud mis. Photoshop, Illustrator, InDesign, Dreamweaver)Perisian grafik atau perisian penyuntingan video (mis. MadMapper, Isadora Troikatronix, HeavyM, Resolume Arena)Bayaran penyimpanan awan (mis. iCloud, Dropbox)Apa-apa jenis alat penyimpanan (mis. Pemacu kilat USB)Gerbang pembayaran e-dagang

* Jarak perjalanan yang boleh dituntut semula ialah RM0.80 setiap kilometer melebihi 50km dari tempat tinggal sekarang ke destinasi.

** Hanya untuk sepanjang tempoh perjalanan yang terhad hanya sehingga 10 hari berjumlah RM40 sehari di dalam Malaysia

Nota tentang garis panduan transaksi pembayaran

Sila ambil maklum bahawa penerima pembiayaan yang telah berjaya tidak boleh terlibat dalam sebarang transaksi pembayaran dengan pihak berkaitan yang boleh dianggap sebagai tidak boleh dituntut. Bagi tujuan peruntukan ini, pernyataan "pihak berkaitan" bermaksud tidak terhad kepada syarikat/organisasi milik penuh dan/atau berkaitan dengan penerima pembiayaan pada asasnya Pemohon tidak boleh membayar diri sendiri dengan pembiayaan.

Apakah jenis ruang yang harus anda pertimbangkan untuk projek seni anda?

- Anda boleh mempertimbangkan pelbagai ruang dalaman dan luaran yang sesuai untuk seni awam seperti laman terbuka, dinding, laluan pejalan kaki, dan sebagainya.
- Ruang yang dicadangkan harus mudah diakses atau dilihat oleh khalayak ramai.
- Sekiranya anda memerlukan pencahayaan, anda harus mempertimbangkan ruang yang dicadangkan untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Anda perlu memberikan maklumat asas mengenai ruang yang mungkin merangkumi yang berikut:

- Maklumat pemilik ruang;
- Penerangan mengenai ruang yang dicadangkan; dan

TERMA RUJUKAN

- Dua (2) hingga tiga (3) buah gambar ruang yang jelas.

CENDANA mendorong pemilik ruang untuk menngetepikan yuran sewa atau bayaran lain sepanjang tempoh projek seniman, atau mempertimbangkan untuk mengenakan bayaran yang minimum.

Siapakah yang boleh memohon Program Komisen Seni Awam Art in the City CENDANA?

- Warganegara atau organisasi Malaysia yang mempunyai pengalaman dan portfolio kerja minimum tiga (3) tahun atau daripada pelbagai profesion yang lain namun terlibat secara aktif di dalam aktiviti seni dan budaya Malaysia.
- Permohonan yang dibuat oleh individu, kolektif / kumpulan atau organisasi. Walaubagaimanapun, pemohon utama mesti memikul tanggungjawab pentadbiran sepenuhnya dan terlibat secara aktif dalam keseluruhan proses.

Projek yang dicadangkan mesti mempunyai faedah pembangunan yang signifikan bagi seniman Malaysia dan membawa seni berkualiti tinggi kepada khalayak ramai.

Siapakah yang tidak layak memohon Program Komisen Seni Awam Art in the City CENDANA?

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika:

1. Kumpulan/ Organisasi:
 - diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
 - kini menerima dana di bawah mana-mana program pembiayaan CENDANA;
 - yang masih di dalam proses penilaian/mempunyai laporan penilaian yang masih belum diserahkan berkaitan program pembiayaan sebelum ini dengan CENDANA.
 - telah dibiayai oleh CENDANA dalam masa tiga (3) tahun berturut-turut.
2. Cadangan Projek:
 - Projek yang telah bermula sebelum permohonan dibuat atau sebelum proses penilaian permohonan bagi program ini selesai;
 - Projek yang tidak mempunyai komponen seni yang jelas, termasuk projek yang jelas bertujuan untuk mempromosikan isu-isu keagamaan;
 - Projek yang bertujuan khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan mana-mana sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;
 - Program yang diadakan di tempat keagamaan;
 - Aktiviti yang tidak bertujuan untuk kepentingan awam;
 - (Mana-mana yang berkenaan) tidak memperoleh lesen dalam pasaran yang berkaitan (Untuk e. g. majlis perbandaran tempatan atau kelulusan PUSPAL).

TERMA RUJUKAN

Apakah yang kami cari di dalam permohonan anda?

Ringkasan Projek

Sebahagian penting dalam proses penilaian adalah ringkasan projek anda. Sebagai panduan untuk membantu kami lebih memahami cadangan projek anda, berikut adalah beberapa soalan yang dapat dijawab dalam permohonan anda:

1. Apakah yang anda ingin lakukan?

Huraikan objektif projek anda.

Huraikan projek anda (iaitu seni arca awam, persembahan, seni jalanan, dan lain-lain).

2. Mengapakah anda ingin melakukan projek ini?

Huraikan kepentingan lokasi awam yang dicadangkan untuk karya seni anda (mis. jika lokasi khusus, bagaimana karya seni anda dapat memberikan makna terhadap lokasi tersebut)

3. Siapakah kakitangan penting yang terlibat dalam projek ini?

Sila berikan perincian setiap kakitangan dan peranan masing-masing dalam projek tersebut.

4. Bagaimanakah projek anda melibatkan orang ramai?

Adakah projek anda akan melibatkan penyertaan masyarakat?

Untuk siapa karya itu ditujukan / golongan apa yang akan tertarik dengan karya tersebut?
Adakah anda mempunyai golongan sasaran tertentu?

Adakah hasil karya anda akan merangsang perbincangan dan/atau perdebatan dalam golongan masyarakat umum?

5. Apakah rancangan pelaksanaan anda?

Gariskan tarikh-tarikh penting termasuklah untuk aktiviti pemasangan dan nyahpasang

Menyediakan jangka masa untuk setiap peringkat proses penghasilan karya seni anda: reka bentuk, pembinaan, pemasangan, pameran, dan nyahpasang.

Apakah yang terbabit dalam proses pemasangan? (mis. kerja tanah, peralatan, gangguan lalu lintas atau pejalan kaki dll.)

Adakah kerja pemulihan diperlukan di lokasi pilihan selepas penyahpasangan projek?

6. Adakah terdapat pertimbangan keselamatan yang perlu diberi perhatian?

Adakah terdapat potensi isu keselamatan yang boleh disebabkan oleh sifat hasil kerja anda (risiko kecurian atau vandalisme)?

TERMA RUJUKAN

Pemohon akan dinilai berdasarkan kriteria berikut serta kekuatan bahan sokongan yang diserahkan:

Profil

- Adakah pemohon mempunyai rekod prestasi yang mencukupi untuk projek / kerja masa lalu?
- Adakah pemohon menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk menyampaikan cadangan projek tersebut?
- Adakah pemohon menunjukkan penglibatan aktif dalam sektor seni persembahan, muzik independen, seni visual atau kraf?

Cadangan

- Adakah projek / program yang dicadangkan telah dijelaskan dengan jelas?
- Adakah projek / program diusulkan asli / bercita-cita tinggi / mengambil risiko / bersifat eksperimental / inovatif?
- Adakah projek tersebut dapat menyumbang kepada kepelbagaian sektor seni Malaysia?
- Adakah projek / program dapat mewujudkan akses yang lebih meluas terhadap sektor seni persembahan / muzik independen / seni visual atau seni kraf?

Perancangan

- Adakah pemohon menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan projek yang dicadangkan itu?
- Adakah pemohon telah memberikan perincian yang mencukupi di dalam anggaran bajet dan garis masa yang telah dicadangkan?
- Adakah pemohon telah memberikan maklumat yang cukup terperinci mengenai rancangan pemasaran dan promosi mereka?

Sumbangan terhadap Sektor Seni Malaysia

- Adakah projek / program menyumbang ke arah pengembangan dan peningkatan dunia seni / seni persembahan Malaysia? (ini boleh dijelaskan melalui inisiatif untuk menangani jurang dalam industri, pengembangan amalan seni persembahan, mewujudkan peluang di dalam sektor ini dan banyak lagi)
- Adakah projek / program menunjukkan kemungkinan untuk membangun dan mengembangkan jaringan, mengembangkan pasaran baru atau mewujudkan aksesterhadap seni?
- Bersesuaian dengan matlamat CENDANA, adakah projek ini mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan profil seni atau pembangunan untuk semua pihak yang terlibat?

TERMA RUJUKAN

Apakah yang akan mempengaruhi permohonan anda?

Permohonan yang tidak memiliki dokumentasi yang mencukupi setelah diserahkan akan mengakibatkan permohonan tersebut sebagai tidak lengkap dan mungkin tidak akan dimajukan untuk dinilai. Senarai dokumen yang diperlukan:

Jenis Permohonan
<p>Memohon sebagai Individu / Kolektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad - salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama. <p>Memohon sebagai Organisasi / Persatuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad Pengarah / Presiden * - salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama (* pengarah dan pemegang saham organisasi). Salinan borang pendaftaran syarikat yang sah - cth. Borang 9 (Borang SSM), Borang 24 atau 49, surat kebenaran (jika berkenaan), senarai ahli jawatankuasa (untuk masyarakat).
Dokumen sokongan
<ul style="list-style-type: none"> Lembaran anggaran bajet dengan garis masa (templat disediakan dalam borang permohonan) Cadangan lokasi Profil / CV / Bio SEMUA ahli persembahan / kolaborator / organisasi yang terlibat dalam projek Cadangan projek Jadual aktiviti / Jadual Waktu Projek / Jadual Perjalanan Contoh kerja / contoh karya yang dicadangkan yang mungkin merangkumi video, audio, gambar atau bahan bertulis (jika ada)

Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya dan keperluan pelaporan?

Harapan dari Pemohon yang Berjaya
<ul style="list-style-type: none"> Menyampaikan projek seperti yang dikemukakan dalam kertas cadangan yang diluluskan; Sentiasa berhubung dengan CENDANA untuk mengemaskini kemajuan projek atau sekiranya terdapat perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan; Untuk meletakkan jenama CENDANA di dalam semua platform komunikasi seperti logo³ CENDANA di dalam semua platform publisiti dan pemasaran untuk semua projek yang disokong; Untuk memastikan semua baucar pembayaran, inuis dan resit untuk perbelanjaan projek disimpan sebagai bukti bayaran yang perlu diserahkan kepada CENDANA. Kegagalan untuk menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan boleh menjejaskan jumlah pemberian dana.

³ Butiran dinyatakan dalam perjanjian.



TERMA RUJUKAN

Keperluan Pelaporan
<ul style="list-style-type: none">• Laporan Kemajuan Berperingkat- bergantung kepada jangka waktu pembiayaan, Laporan Kemajuan diperlukan bagi tujuan pelaporan berserta dokumen sokongan bagi tujuan tuntutan (mis. resit, invois, baucar pembayaran dll.);• Menyediakan ringkasan perbelanjaan projek dan dokumen pelaporan lain yang relevan seperti yang dikehendaki oleh CENDANA;• Laporan Akhir Projek dan Tinjauan Pemantauan CENDANA - perlu diserahkan dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan siap projek (templat / borang yang disediakan oleh CENDANA);• Untuk mengemukakan bentuk pengesahan lain - bahan aktiviti tambahan seperti video, foto dan bahan-bahan pemasaran (jika ada).

Bagaimana anda akan menerima pembiayaan?

- Bergantung pada kuantum pembiayaan yang diluluskan, pembiayaan anda akan dikeluarkan dalam tiga (3) ansuran dalam tempoh dua belas (12) bulan, tertakluk kepada proses pemantauan dan keperluan pelaporan semasa tempoh pembiayaan, dan akan dikreditkan ke akaun bank organisasi anda atau disediakan dalam bentuk cek.
- Anda akan dikehendaki menghadiri mesyuarat bersama pihak CENDANA secara fizikal atau virtual (bergantung kepada lokasi kediaman anda).

Struktur pembiayaan Program Komisen Seni Awam *Art in the City* CENDANA akan ditentukan seperti berikut:

Bahagian 1: Selepas Menandatangani Perjanjian	Bahagian 2: Pelaporan Proses Kemajuan	Bahagian 3: Pelaporan Penilaian Projek dan Laporan Tinjauan Ekonomi
Pembayaran pertama untuk memulakan program (40% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas Perjanjian ditandatangani.	Pembayaran berikutnya pada bulan keenam (40% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan CENDANA: <ul style="list-style-type: none">• Laporan Kemajuan Berperingkat;• Dokumen sokongan untuk menyokong tuntutan tersebut (seperti resit, baucar pembayaran, invois dll.)	Pembayaran akhir (baki 20% daripada jumlah yang diluluskan) dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan CENDANA: <ul style="list-style-type: none">• Laporan Penilaian Projek (<i>Project Final Report</i>);• Laporan Tinjauan Ekonomi CENDANA;• Penyata akaun akhir (bukti perbelanjaan

TERMA RUJUKAN

		<p>seperti resit, baucar pembayaran, invois dll.);</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan tambahan (foto, video, cagaran dibuat jika berkenaan).
--	--	---

Laporan-laporan di atas akan memberikan CENDANA maklumat-maklumat yang berharga dalam memantau prestasi dan aktiviti organisasi dan memastikan kebertanggungjawapan terhadap dana awam. Ini juga dapat membantu CENDANA bagi tujuan penyelidikan dan komunikasi bagi menunjukkan kesan-kesan program pembiayaan.

Bagaimanakah anda boleh memohon untuk Program Komisen Seni Awam Art in the City CENDANA?

Anda boleh menghantar permohonan pembiayaan anda melalui sistem pengurusan geran dalam talian CENDANA di www.cendana.com.my . Penyerahan melalui kaedah lain, mis. e-mel, salinan cetak, TIDAK akan diterima.

Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai soalan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan emel ke grants@cendana.com.my .

Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?

- Apabila permohonan ditutup pada tarikh tutup yang diberikan, semua permohonan akan disemak untuk memastikan permohonan projek memenuhi kriteria kelayakan dan semua dokumen sokongan yang relevan telah dihantar.
- Semua permohonan dinilai secara bersama dan diluluskan melalui proses penilaian yang sangat kompetitif.
- Pemohonan yang menepati semua terma dan syarat akan melalui satu proses penilaian yang akan dinilai oleh **Panel Penasihat Industri CENDANA** yang terdiri daripada penasihat industri, pakar dan pengamal seni, yang kemudian ditentukan oleh sistem pemarkahan yang berpandukan kriteria penilaian yang telah ditetapkan.
- Pemohonan yang mempunyai nilai markah tinggi akan dinilai dan diluluskan oleh **Pihak Pengurusan / Lembaga Pengarah**.
- Semua maklumat yang dikemukakan kepada CENDANA adalah peribadi dan sulit. Ahli panel CENDANA akan terikat dengan perjanjian untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat dan juga telah mengisytiharkan tiada sebarang kepentingan sebelum menilai sebarang kertas cadangan.
- Keputusan penilaian akan dihantar melalui e-mel pengesahan dalam masa tidak lebih dari empat (4) minggu selepas tarikh tutup permohonan.

TERMA RUJUKAN

Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan yang Berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dan tujuan Program Komisen Seni Awam *Art in the City* CENDANA yang telah diluluskan;
- Terma & Syarat Program Komisen Seni Awam *Art in the City* CENDANA;
- Matlamat pencapaian dan hasil perlu serah

Tawaran Program Pembiayaan Pameran Seni Visual akan sah selama tiga puluh (30) hari dari tarikh makluman melalui e-mel yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran tersebut akan luput.

Permohonan yang tidak Berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

Nota Berkaitan Garis Panduan Pembiayaan Program Komisen Seni Awam *Art in the City* CENDANA

Disamping mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak:

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan sekiranya terdapat:

- Perubahan skop projek tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan daripada CENDANA;
- Merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Tidak dapat melengkapkan projek itu mengikut cadangan yang dikemukakan;
- Melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian Program Pembiayaan.



TERMA RUJUKAN

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my.

PAUTAN BERGUNA

Contoh inisiatif seni awam	<p>CENDANA's Art in the City 2019 https://www.cendana.com.my/our-activities/our-activities/art-in-the-city-2019</p> <p>CENDANA's Panggung Rakyat https://www.cendana.com.my/our-activities/our-activities/panggung-rakyat</p> <p>CENDANA's Lucky Pao Market https://www.cendana.com.my/our-activities/our-activities/art-in-the-city-2019/lucky-pao-market</p> <p>Urbanscapes, https://www.urbanscapes.com.my</p> <p>"The best public art in the world", Lonely Planet https://www.lonelyplanet.com/articles/the-best-public-art-in-the-world</p> <p>"The best public art pieces in Tokyo", Culture Trip https://theculturetrip.com/asia/japan/articles/the-best-public-art-pieces-in-tokyo/</p> <p>Eko Nugroho's installation commission project in Baggage Claim Area Terminal 3 Ultimate International & Domestic, Soekarno Hatta International Airport, Jakarta, Indonesia http://ekonugroho.or.id/project/rainbow-landscape/</p>
Laporan dan garis panduan	<p>"A Guide by Public Art Projects" by ThinkCity Sdn. Bhd., 2018 https://thinkcity.com.my/wp/wp-content/uploads/2019/01/A-Guide-for-Public-Art-Projects_thinkcity.pdf</p> <p>Laws of Malaysia, Act 493 Entertainment (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 1992, http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/EN/Act%20493%20-%20Entertainment%20(Federal%20Territory%20of%20Kuala%20Lumpur)%20Act%201992.pdf</p> <p>Types of license applications, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur https://elesen.dbkl.gov.my</p> <p>Persatuan Karyawan Malaysia Rasmi https://www.facebook.com/karyawanmalaysia/</p> <p>Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) http://www.rela.gov.my</p> <p>Public Art Trust, National Arts Council Singapore https://www.publicarttrust.sg/Home</p>